


AYAT PERINTAH

Apakah yang dimaksudkan ayat perintah?



Ayat perintah ialah ayat yang diucapkan dengan tujuan menimbulkan gerak balas yang berupa tindakan. Ayat perintah berfungsi sebagai ayat yang bermaksud **suruhan**, **permintaan**, **silaan** ataupun **larangan**.



Ayat Larangan

Ayat larangan ialah ayat yang menegah seseorang daripada melakukan sesuatu.

Ianya boleh menggunakan perkataan “lah” untuk dilembutkan.

Contoh ayat:

1. *Jangan* buang sampah merata-rata
2. *Usah* malu untuk bertanya
3. *Janganlah* makan di sini.
4. *Usahlah* kamu risau akan keadaan ini.

Ayat Suruhan

Ayat suruhan ialah ayat yang diucapkan dengan tujuan memberi perintah atau arahan.

Ianya boleh menggunakan perkataan “lah” untuk dilembutkan.

Contoh ayat:

- 1. Kamu tunggulah Farid di sini.**
- 2. Ambilkan buku saya di dalam bilik.**
- 3. Ambillah baju kamu elok-elok.**
- 4. Pergilah makan sekarang.**

Ayat Permintaan

Ayat permintaan ialah ayat yang digunakan untuk memohon permintaan atau pertolongan.

Contoh ayat:

1. *Minta* semua peserta bersiap sedia.
2. *Harap* semua bersabar menunggu giliran.
3. *Tolong* hantar buku ini kepada guru besar.
4. *Tolong* ambulkan saya air.

Ayat Silaan

Ayat silaan ialah ayat yang digunakan untuk menjemput atau mempersilakan seseorang.

Ianya boleh menggunakan perkataan “lah” untuk dilembutkan.

Contoh ayat:

- 1. Jemput masuk.**
- 2. Sila duduk di sini.**
- 3. Silalah menjamu makanan yang disediakan.**
- 4. Jemputlah hadir kemajlis hari jadi saya.**

Latihan – Nyatakan jenis AYAT PERINTAH bagi ayat di bawah ini.

- 1. Jangan ambil duit di atas meja itu.**
- 2. Minta kamu semua bersabar.**
- 3. Bersihkan cawan yang kotor itu.**
- 4. Jemput minum minuman yang disediakan.**